



## SIARAN MEDIA

---

# 185,000 MISKIN TEGAR DAN MISKIN eKASIH TERIMA BIL ELEKTRIK PERCUMA SEHINGGA RM40

---

**PUTRAJAYA, 26 Disember 2018** – Kerajaan melalui Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah menyediakan peruntukan RM80 juta untuk memberi Rebat Bil Elektrik berjumlah RM40 kepada 185,000 miskin tegar dan miskin yang berdaftar dan disahkan dalam Sistem eKasih.

Program Rebat Bil Elektrik RM40 ini adalah merupakan program bantuan Kerajaan secara bersasar khusus kepada keluarga miskin tegar dan miskin yang berdaftar dan disahkan dalam Sistem eKasih.

Di bawah program ini, Ketua Isi Rumah miskin tegar dan miskin di bawah eKasih yang telah dikenal pasti akan menerima bil elektrik secara percuma sehingga RM40 sebulan, bergantung kepada jumlah penggunaan elektrik mereka.

Sekiranya penggunaan elektrik adalah di bawah RM40 sebulan, secara automatik Ketua Isi Rumah tersebut akan menerima bil elektrik percuma berdasarkan bil sebenarnya. Walau bagaimanapun, sekiranya penggunaan elektrik melebihi RM40 sebulan, Ketua Isi Rumah tersebut hanya perlu membayar baki bil selepas ditolak bantuan rebat sebanyak RM40 tersebut.

Program rebat bil elektrik adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan kebajikan dan kualiti hidup rakyat seperti yang telah dinyatakan dalam Bajet 2019 pada 02 November 2018 yang lepas.

Pengguna-pengguna boleh membuat semakan untuk kelayakan eKasih dan kelayakan menerima bantuan rebat bil elektrik di Portal MESTECC di <https://semakanrebat.mestecc.gov.my> atau dengan menghubungi *My Government Call Centre* (MyGCC) di talian 03-8000 8000.

Pengguna juga boleh membuat semakan kelayakan di Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan menghubungi pihak *Careline* di talian 1-300-88-5454 atau membuat semakan terus di Kedai Tenaga yang berdekatan. Bagi pengguna di Sabah, talian *Helpline* Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) ialah 088-515000 / 15454 dan bagi pengguna di Sarawak, talian Customer Care Sarawak Energy Berhad (SEB) ialah 1300-88-3111.

Bagi pengguna eKasih yang layak tetapi tidak mempunyai akaun berdaftar dengan TNB / SESB / SEB, pengguna boleh membuat permohonan bagi mengisytiharkan akaun pihak ketiga dengan mengisi borang permohonan di mana-mana Kedai Tenaga TNB / Pejabat SESB / Pejabat SEB yang terdekat bersama salinan Kad Pengenalan sebagai dokumen sokongan.

Bagi pengguna yang tidak layak setelah semakan dibuat dan ingin mendaftar dalam program eKasih, pengguna diminta merujuk kepada Pejabat Pembangunan Persekutuan / Jabatan Pembangunan Persekutuan (PPP/JPP) ICU JPM di peringkat negeri dan di Unit Pembangunan Pejabat Daerah. Data eKasih dibuat secara bancian dan pendaftaran oleh Pejabat-pejabat PPP/JPP ICU JPM di peringkat negeri.

Program Rebat Bil Elektrik RM40 ini merupakan program baharu diperkenalkan bermula 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019. Program ini menggantikan Program Rebat Bil Elektrik RM20 yang tamat pada bulan Disember 2018.

**-TAMAT-**

---

Maklumat lanjut sila hubungi:

**Akmal Tujad atau Mohd Azmi**

Unit Komunikasi Korporat 03-8885

8299 atau 03-8885 8822

[akmaltujad@mestecc.gov.my](mailto:akmaltujad@mestecc.gov.my)